

27 NOV 1996
Sabaruddin-Formula
TAJAAN FORMULA ONE, LANGKAH BIJAK

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah mengambil langkah bijak dengan menaja pasukan lumba kereta Stewart-Ford yang terkenal di dunia dalam Kejohanan Dunia Formula One tahun depan.

Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik hari ini berkata, langkah itu dapat memperkenalkan Malaysia melalui kereta-kereta lumba Steward-Ford.

"Dalam aspek pelancongan, inilah apa yang kita mahu, ia merupakan program yang baik dan kerajaan sedia membelanjakan duit untuk mempromosi kempen melawat Malaysia melalui kereta-kereta lumba," kata beliau semasa ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian semasa mengulas bantahan DAP terhadap keputusan kerajaan untuk menaja pasukan itu. Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, menyatakan rasa terkilannya dan mahu kerajaan jelaskan pulangan dan manfaat daripada langkah itu sebelum membelanjakan RM85 juta (20 juta pound) bagi pasukan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, kerjasama Malaysia dengan Steward-Ford Grand Prix, yang dimiliki oleh juara dunia tiga kali Jackie Steward adalah untuk memperkenalkan Malaysia kepada kaca mata dunia dan juga membantu negara membuat enjin-enjin yang digunakan untuk perlumbaan.

Logo Lawat Malaysia diiringi bendera negara akan ditempatkan di hadapan dan di belakang kedua-dua kereta lumba pasukan itu yang akan mula beraksi di perlumbaan 17-pusingan bermula dengan Grand Prix Australia di Melbourne, Mac depan.

Dr Mahathir telah menyatakan yang tajaan selama setahun itu akan membantu menampilkan imej Malaysia supaya ia lebih dikenali di seluruh dunia.

Sabaruddin juga menjelaskan yang kerajaan tidak akan membelanjakan RM85 juta untuk menaja perlumbaan Formula One Dunia 1997.

"Tanggapan DAP itu adalah salah. Ia mungkin jumlah anggaran untuk menguruskan pasukan lumba itu selama setahun dan kerajaan tidak semestinya membayar semua perbelanjaan bagi pasukan itu," kata beliau tanpa menyatakan jumlah sebenar yang akan dibayar oleh kerajaan.

Sabaruddin berkata, berjuta-juta peminat menyaksikan perlumbaan itu setiap tahun dan ia pasti tempat yang paling sesuai bagi memperkenalkan Malaysia dan juga untuk mendapatkan kemahiran teknikal.

"Ia sama seperti mengiklankan dalam media tetapi kali ini melalui kereta lumba. Daripada aspek pelancongan inilah yang kita mahukan dan ia akan menguntungkan kita," kata beliau.

Sementara itu, pakar-pakar kejuruteraan berkata teknologi tinggi daripada Perlumbaan Formula One adalah perlu bagi memajukan industri automobil tempatan.

Pakar-pakar itu yang dihubungi Bernama berkata, penglibatan jurutera tempatan dalam teknologi itu akan mempercepatkan pemindahan teknologi canggih dan terkini dalam pembinaan enjin.

"Teknologi perlumbaan Formula One telahpun diuji khasnya daripada aspek daya tahan dan keberkesanan enjin," kata ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Masjuki Hassan.

Beliau berkata, penglibatan jurutera-jurutera tempatan dalam perlumbaan itu akan memberikan pendedahan yang berguna khasnya dalam aspek rekabentuk enjin dan teknologi yang digunakan.

Pensyarah kejuruteraan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Shahnor Basri berkata, sudah tiba masanya bagi jurutera-jurutera tempatan untuk merekabentuk enjin kereta berteknologi tinggi supaya penggantungan negara kepada pemindahan teknologi dapat dikurangkan.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menerap teknologi itu.

"Kita perlu mengembangkan industri automobil negara ini supaya kita tidak hanya memasang enjin-enjin yang dibuat oleh negara-negara lain," kata beliau.

Beliau juga berpendapat sama dengan Dr Masjuki yang bilangan penuntut kejuruteraan automotif perlu ditingkatkan untuk memenuhi keperluan negara.

Sementara itu, seorang pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, kemahiran tempatan sehingga ini belum diuji lagi dan peluang untuk bersama jurutera-jurutera Formula One pasti berguna.

"Kita mesti menerima hakikat yang kita masih belum mempunyai teknologi untuk membuat enjin," kata pensyarah itu yang tidak mahu namanya disiarkan.

Beliau menyatakan harapannya yang cadangan kerajaan untuk membabitkan jurutera-jurutera tempatan bersama pasukan lumba itu akan menjadi kenyataan dan Malaysia akan muncul sebagai antara pendahulu dalam industri automobil.

-- BERNAMA

HJ ARA PR